



**PEKELILING  
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN No. 1/1992**

*Pernbayaran/Mendepositkan Wang Pampasan Ke atas Pengambilan Balik Tanah  
Bagi Pemilik-pemilik Yang Telah Meninggal Dunia Tanpa Wasiat*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pentadbir Tanah Daerah mengenai cara membayar atau mendepositkan wang pampasan atau ganti rugi ke atas tanah atau sebahagian daripada tanah yang telah diambil balik mengikut kehendak Akta Pengambilan Tahun 1960, di mana tuan-tuan punya tanah atau pemilik-pemiliknya didapati telah meninggal dunia tanpa wasiat, dan Surat Kuasa Tadbir belum dikeluarkan kepada yang berhak. Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia telah mengesyorkan agar wang pampasan itu diserahkan pada pihaknya.

2. Seksyen 29 Akta Pengambilan Tanah, 1960 telah memperuntukkan mengenai pembayaran wang pampasan atau mendepositkannya di Mahkamah Tinggi seperti berikut:

“29. (1) After a notice of award in Form H has been served in the manner prescribed by section 53 upon all interested persons the Collector shall, as soon as may be, make payment of each amount awarded to the person entitled thereto unless—

- (a) there shall be no person competent to receive such payment; or
- (b) the person entitled thereto does not consent to receive the amount awarded; or
- (c) there is a dispute as to the right or title of the person to receive the compensation. or as to the apportionment thereof.

(2) In the cases referred to in paragraphs (a), (b) and (c) of sub-section (1) the Collector shall apply ex parte to the Registrar of the Court in chamber, supported by affidavit, for an order to deposit the amount awarded into Court and, notwithstanding anything to the contrary in the law for the time being in force relating to civil procedure, the Registrar shall have power to make such order.”

3. Seksyen 39 dan 83 Akta Probet dan Pentadbiran, 1959 (Akta 97) pula berbunyi sedemikian:

“39. (1) Where a person dies intestate his movable and immovable property until administration is granted in respect thereof shall vest in the Official Administrator in the same manner and to the same extent as it vests in the Probate Judge in England.

(2) On the making of an order for a grant of administration by the Court all such property shall vest in the administrator.”

“83. (1) Subject to subsection (2) whenever any person dies leaving property in Malaysia and the Official Administrator is satisfied after such investigation as he shall think sufficient—

(a) that the total value of the property without deduction for debts, but not including the value of any property which the deceased possessed or was entitled to as trustee and not beneficially, does not exceed three hundred thousand ringgit, and

b) that no petition for letters of administration is pending,

he may, if in his discretion he thinks fit to do so, by writing signed by him declare that he undertakes to administer the property, and thereupon he shall be empowered to administer it as though letters of administration, with or without the will annexed, of the estate of the deceased person had been granted to him, and his receipt shall be a sufficient discharge to any person who pays any money or delivers any property to him; and notice of every such declaration shall be filed in the proper Registry of the Court.”

3. Sehubungan dengan kefahaman seksyen-seksyen yang dinyatakan di atas, pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian menerusi Penasihat Undang-undang Kementerian telah merujuk perkara ini kepada Yang Berhormat Peguam Negara dan telahpun memberi pandangan beliau seperti berikut:

“2. Jabatan ini bersetuju bahawa Pentadbir Pusaka Malaysia (Official Administrator) mempunyai kuasa untuk mentadbirkan harta pusaka simati di bawah seksyen 39 dan 83 Akta Probet dan Pentadbiran 1959, yang mana harta pusaka simati di bawah kedua-dua seksyen itu bolehlah dikatakan merangkumi juga wang pampasan yang kena dibayar kepada tuan tanah yang meninggal dunia dan surat kuasa bagi mentadbir hartanya belum dikeluarkan lagi.”

4. Dengan berasaskan takrif “person” dalam Akta Interpretasi, 1948 dan 1967 (Consolidated and sed 1989) yang berbunyi:

“ ‘Person’ includes a body of persons, corporate or incorporate.”

Maka adalah dianggap sesuai bahawa Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia sebagai ‘a competent person’ untuk menerima pampasan atas pengambilan tanah yang dimaksudkan.

5. Oleh itu, Pentadbir Tanah Daerah tidak perlu menyimpan (deposit) pampasan untuk tuan tanah yang meninggal dunia dan Surat Kuasa Tadbir bagi mentadbir harta pusaknya belum dikeluarkan lagi di Mahkamah Tinggi. Pentadbir Tanah Daerah setelah berpuashati tuan tanah berkenaan telah meninggal dunia tanpa wasiat maka wang pampasan berkenaan bolehlah dihantar terus kepada Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia berkenaan. Walau bagaimanapun Pentadbir Tanah Daerah jika tidak mempunyai maklumat tentang kematian tuan-tuan tanah berkenaan masih perlu menandatangani wang pampasan di Mahkamah Tinggi.

6. Untuk memudahkan membayar pampasan yang dimaksudkan, Pentadbir Tanah Daerah semasa membuat siasatan di bawah Part II dan III Akta Pengambilan Tanah, 1960 atau menerima laporan yang dibuat oleh Penghulu atau Pegawai Petempatan di bawah seksyen 18 Akta Pembahagian Pusaka Kecil, 1955 (Akta 98) hendaklah juga memberi maklumat secara bersurat mengenai waris-waris mereka seperti format di


Lampiran A untuk mudah dihubungi oleh pihak Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia. Maklumat ini perlu diketahui oleh Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia untuk membuat tuntutan mentadbir pusaka simati berkenaan bersama harta-harta lain kepunyaan simati sama ada menerusi seksyen 8 Akta Pembahagian Pusaka Kecil, 1955 jika tertakluk kepada Pusaka Kecil atau kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi jika pesaka berkenaan Harta Pusaka Besar.

7. Selain daripada penentuan di atas, Pentadbir Tanah Daerah, semasa membuat tawaran pampasan dan seterusnya mengeluarkan Borang 'G' dan 'H' hendaklah juga mencatatkan bukan sahaja nama simati bahkan juga nama Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia (Negeri berkenaan) sebagai pengganti penerima bayaran tawaran tersebut. ini akan memudahkan pihak yang memohon pengambilan tanah acquiring department/body) membuat baucer pembayaran melalui cek berpaling atas nama Pegawai pentadbir Pusaka Malaysia.

8. Pentadbir Tanah Daerah adalah dengan ini dinasihatkan supaya mengambil ingatan dan mematuhi arahan ini sepenuhnya. Perkara ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri.

KKM (Khas) PTG Bil: 6/1992,  
KKTKW 101/511-138/78

Tarikh : 28hb — 29hb April, 1992



**AZMEER BIN RASHID,**  
*Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan*

Penolong Pegawai Pentadbir Pusaka,

.....  
.....  
.....

Tuan,

**Harta Pusaka simati**  
**Wang Pampasan Pengambilan Balik Tanah**

Perkara di atas adalah dirujuk untuk tindakan tuan selanjutnya.

2. Bersama-sama ini dilampirkan:

2.1 Salinan Borang G


2.2 Salinan Borang H

2.3 Sekeping cek bernombor .....

bernilai \$.....

3. Jabatan ini berharap pihak tuan mentadbir harta pusaka simati di atas agar bayaran ini dapat disampaikan kepada waris-waris yang sah disisi undang-undang. Mengikut maklumat yang diperolehi simati ada meninggalkan waris seperti yang dicatatkan di bawah.

4. Sila akui penerimaannya.



‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menurut perintah,

.....  
Pentadbir Tanah dan Daerah,  
.....

s.k.

.....(nama dan alamat waris)

.....  
.....

Sila berhubung segera dengan Jabatan Pemegang Amanah Raya & Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia seperti alamat tersebut di atas untuk menuntut wang pampasan berkenaan.